

Bil. 18

**Selasa
14 Mei 2019**



MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)

Mengenai:

**Tuntutan Tunggakan Bayaran Cukai Barang dan
Perkhidmatan (GST) Berjumlah RM 19.4 Billion**

- **Jabatan Akauntan Negara Malaysia :**
 - Yang Berbahagia Datuk Saat Bin Esa,
Akauntan Negara Malaysia

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KEDUA**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2 BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA
SELASA, 14 MEI 2019**

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]	- <i>Pengerusi</i>
YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]	- <i>Timbalan Pengerusi</i>
YB. Tuan Wong Chen [Subang]	
YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]	
YB. Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]	
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]	
YB. Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]	
YB. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]	
YB. Tuan Robert Lawson Chuat [Betong]	
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah	- <i>Setiausaha</i>

Tidak Hadir [Dengan Maaf]

YB. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
YB. Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]
YB. Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]
YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]

URUS SETIA

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Encik Rosli bin Aw Ahmad [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Cik Nurul Adila binti Hamdan [Jurubahasa dan Terjemahan, Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Jabatan Audit Negara (JAN)

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan [Timbalan Ketua Audit Negara (Prestasi)]
Dr. Aida Alifah binti Lope Abdul Rahman [Timbalan Pengarah Audit]
Encik Haslim Eairon Mat [Penasihat Perkastaman]
Encik Anuar Sidik bin Nordin [Penolong Pengarah Audit]
Encik Mohd Shakib bin Ishak [Penolong Juruaudit (Bahagian Pengauditan ICT)]
Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi [Penolong Pengarah Audit (Kewangan)]

samb/

HADIR BERSAMA (*samb/-*)**Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM)**

Puan Salwa binti Muharam [Timbalan Pengarah (Sektor Swasta) (Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan)]

Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)

Puan Azreen binti Awang [Ketua Penolong Setiausaha (Kawalan Pemantauan) (Strategi Korporat dan Komunikasi)]

Encik Mohammad Adam Danial bin Hafiz Goh [Penolong Setiausaha (Kawalan Pemantauan) (Strategi Korporat dan Komunikasi)]

Encik Ezleezan bin Othman [Ketua Seksyen Bahagian Cukai (Dasar dan Pelaksanaan GST)]

Jabatan Akauntan Negara

Encik Azeman bin Miskah [Timbalan Pengarah (Perkhidmatan Operasi pusat dan Agensi)]

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA)

Encik Khalid bin Mohamed [Timbalan Pengarah (Bajet Pembangunan)]

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

Puan Noor Aini binti Ahmad [Timbalan Pengarah Kanan (Laporan Ketua Audit Negara dan Operasi Khas)(Perkhidmatan)]

SAKSI**Jabatan Akauntan Negara**

YBhg. Datuk Saat bin Esa [Akauntan Negara]

Dato' Hj. Ramli bin Chik [Pengarah Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi]

Encik Rusdi bin Ahmad @ Ali [Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi]

Encik Osman bin Mantali [Pegawai Khas Akauntan Negara Malaysia]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KEEMPAT BELAS, PENGGAL PERTAMA

Selasa, 14 Mei 2019

Bilik Jawatankuasa 1, Tingkat 2 Blok Utama, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur

Mesyuarat dimulakan pada pukul 02.03 petang

[Yang Berhormat Dato' Dr. Noraini Ahmad *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Pengerusi: Okey. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat petang. Salam sejahtera terutamanya kepada Yang Berhormat Ahli-ahli PAC juga Yang Berbahagia Datuk Roosme binti Hamzah selaku Setiausaha PAC Parlimen dan juga merangkap Setiausaha Dewan Rakyat. Petang ini *insya-Allah* kita akan meneruskan mesyuarat prosiding kedua untuk hari ini. Tadi yang pertama kita telah melalui satu prosiding yang membabitkan Kementerian Pembangunan Usahawan. Jadinya yang kedua pada petang ini pula akan membabitkan tajuk Tuntutan Tunggakan Bayaran Balik Wang Tunai Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang bernilai RM19.4 bilion.

Terima kasih Yang Berbahagia Datuk Saat bin Esa kerana sudi untuk hadir di hadapan PAC pada petang ini bersama dengan Yang Berbahagia Dato' Hj. Ramli bin Chik Pengarah Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi, Jabatan Akauntan Negara serta Encik Rusdi bin Ahmad @ Ali selaku Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi, Jabatan Akauntan Negara.

Jadi Yang Berhormat dan Ahli-ahli Mesyuarat sekalian untuk makluman semua, untuk makluman kita ini adalah mesyuarat prosiding yang kesepuluh yang membabitkan isu tuntutan tunggakan bayaran balik GST yang bernilai RM19.4 bilion. Selain daripada sembilan prosiding yang diadakan sebelum ini, PAC Parlimen juga mendapat taklimat daripada Jabatan Audit Negara sebanyak dua kali berhubung verifikasi tuntutan tunggakan bayaran balik GST ini. Jadinya kita tidak perlulah hendak membuang masa. Hari ini pun semua orang, majoriti daripada kita pun berpuasa. Jadinya eloklah saya teruskan mesyuarat majoritilah.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Okey.

Tuan Pengerusi: Kita teruskan mesyuarat prosiding ini dengan menjemput Yang Berbahagia Datuk untuk memberikan sedikit taklimat sebelum saya buka untuk sesi soalan sekiranya ada kepada Yang Berbahagia Datuk. Jadinya dipersilakan Datuk.

Datuk Saat bin Esa [Akauntan Negara]: Terima kasih Tuan Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Datuk Roosme dan juga PAC kerana sudi menjemput saya ke prosiding kali kesepuluh ini untuk kita memberi penjelasan tentang perkara yang dibangkitkan mengenai tuntutan tunggakan bayaran balik Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST).

Seperti mana yang kita tahu, GST diperkenalkan pada tahun 2015 mulai pada bulan April. Ia di-*zero-rated*-kan pada bulan Jun 2018 dan seterusnya Akta GST ditamatkan mulai September 2018. Apabila kita melaksanakan GST melalui Akta GST, kita juga menubuhkan satu Akaun Amanah iaitu yang dipanggil Kumpulan Wang Pembayaran Balik Cukai Barang dan Perkhidmatan. Akaun Amanah ini ditubuhkan di bawah seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan bagi kita mengendalikan bayaran balik tuntutan bayaran balik GST.

Jawatankuasa ini ditubuhkan mulai 13 Mac 2015 iaitu sebelum kita melaksanakan GST pada bulan April. Ia dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Ketua Setiausaha Perbendaharaan yang juga beliau akan menjadi pengerusi kepada Jawatankuasa Pengurusan Wang Tunai Negara. Daripada pelantikan ini, mesyuarat pertama Jawatankuasa Kumpulan Wang Pembayaran Balik Cukai Barang dan Perkhidmatan telah diadakan pada 29 April 2015. Di dalam mesyuarat pertama ini ada dicadangkan bahawa 35 peratus daripada kutipan GST dimasukkan ke dalam kumpulan wang ini untuk tujuan bayaran balik kepada tuntutan bayaran balik GST.

Tuan Pengerusi: Minta maaf Datuk. Ada dicadangkan? Siapa yang mencadangkan Datuk?

Datuk Saat bin Esa: Ini bahagian kastam, JKDM. Perkara ini kemudian dibincangkan dan minta dipertimbangkan. Seterusnya dalam mesyuarat kedua jawatankuasa ini pada 27 Mei, kita mengesahkan— dipersetujui 35 peratus itu diambil dari kutipan GST. Sekiranya diperlukan, boleh ambil lebih daripada itu untuk kita mengendalikan bayaran balik GST.

Seterusnya, mesyuarat mengenai bayaran balik GST ini akan diadakan pada hari yang sama dengan Jawatankuasa Pengurusan Wang Tunai. Ini adalah— selalunya mesyuarat jawatankuasa kumpulan wang ini diadakan dahulu, kemudian akan diikuti dengan Jawatankuasa Pengurusan Wang Tunai. Itu sehingga sekarang macam itu. Dengan adanya ini kita ada satu kumpulan wang untuk kita mengendalikan kumpulan bayaran balik tuntutan GST.

Manakala dari segi proses perakaunan, kita tahu mereka yang berdaftar dengan GST ini kena mengemukakan laporan GST-03, ada *forms* yang tertentu yang mana bagi entiti yang pada *period* melaporkan itu, *net*-nya adalah *output tax*.

■1410

Dia hendaklah mengemukakan *output tax* punya *value* itu bersama dengan duit untuk dikemukakan kepada kastam. Bagi entiti yang mempunyai *net input tax* akan menjadi *claims*, tuntutan bayaran balik ke atas GST yang dituntutnya.

Untuk itu dari segi perakaunan, apa yang kami terima adalah— kami maksud saya dekat sini adalah Jabatan Perakaunan, fungsi perakaunan. Pada ketika itu ia adalah wang hasil negara dan kita tahu GST diwujudkan adalah untuk kutip hasil, iaitu dia punya *main focus*. *Then*, apabila *submissions* entiti ini mengemukakan wang tunai, kami perakaunkannya sebagai hasil GST dan kita perakaunkan.

Hasil GST ini adalah menjadi satu penjenisan hasil di bawah Akaun Hasil Yang Disatukan dan ia selaras dengan Perlembagaan iaitu perkara 97 kerana Akaun Hasil Yang Disatukan adalah sebahagian daripada akaun disatukan di bawah Kumpulan Wang Disatukan.

Jadi kita lihat apa yang kita perakaunkan adalah —kita masukkan ia ke dalam Kumpulan Wang Disatukan di bawah Akaun Disatukan dan sebagai hasil. Manakala bayaran balik tadi di bawah Kumpulan Akaun Amanah Disatukan iaitu di bawah kategori Akaun Amanah Kerajaan yang kita wujudkan di bawah seksyen 10.

Tuan Pengerusi: Minta maaf Datuk. Itu yang saya hendak cuba *get it clear*. Itu yang dinamakan akaun amanah untuk GST itu, *is that right?*

Datuk Saat bin Esa: Ya.

Tuan Pengerusi: Okey, maknanya masuk Akaun Yang Disatukan. Adakah ia tidak menyalahi apa-apa akta? Memang ia tidak perlu kutipan itu dimasukkan bawah Akaun Amanah GST terus? Ia boleh dimasukkan di bawah Akaun Yang Disatukan *because* tadi Datuk ada maklumkan masuk dalam Akaun Disatukan kemudian pulang balik melalui Akaun Amanah. Jadi adakah ia dibenarkan?

Datuk Saat bin Esa: Kalau kita lihat *spirit* Akta GST. Akta GST mengatakan bahawa hendaklah diwujudkan satu akaun amanah. Akaun amanah itu kita wujudkan tetapi dari segi pengoperasian ada sedikit berbeza dari segi interpretasi dan dari segi amanah dan juga interpretasi sehingga pengoperasian urus niaga GST.

Ini kami sedari apabila prosiding ini di dalam taklimat oleh Audit Negara kerana pada masa itu saya memberi penjelasan bagaimana kami memperakaunkan dan tiba satu keadaan di mana seksyen 7 Akta Acara Kewangan ia bergerak selari bertentangan dengan seksyen 54 Akta GST. Sebab Akta GST kata kena masuk dalam satu kumpulan wang *then* baru masuk hasil.

Akan tetapi seksyen 7 kata semua terimaan hasil kena masuk hasil. Pada masa itu, saya rasa pengerusi GST akan mendapat *advice* daripada AGC dan selepas itu baru saya

dimaklumkan bahawa Akta GST mengatasi keperluan ataupun kuasa yang di-*provide* di bawah Akta Acara Kewangan.

Jadi walau bagaimanapun, pada ketika itu GST sudah tidak ada dan amalan kita adalah amalan yang mengikut tafsiran mulai 2014 tadi. Dari segi perakaunan dua-dua adalah diperakaunkan di bawah *Consolidated Fund*, Kumpulan Wang Disatukan tetapi bayaran balik dikeluarkan dari Kumpulan Wang Amanah Disatukan iaitu Akaun Amanah Kumpulan Wang Pembayaran Balik Cukai Barang dan Perkhidmatan. Manakala hasil kita masukkan di dalam Akaun Hasil Disatukan.

Sebanyak 35 peratus tadi untuk makluman Yang Berhormat dan juga semua ahli Jawatankuasa adalah kita mengambil wang yang telah dimasukkan pada hasil dipindah kepada Kumpulan Wang Amanah tadi. Dari segi polisinya 35 *percent* dan keperluan pemindahan wang ini walaupun 35 peratus dan boleh ditambah mengikut keperluan.

Mengikut *tracking* kita kalau *by year* kita tidak mencapai 35 peratus mengikut tahunan. Sebabnya pengoperasian ini Yang Berhormat kita akan —kalau kita lihat *year by year*...

Dato' Haji Ramli bin Chik [Pengarah Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi]: Per tahun.

Datuk Saat bin Esa: Mengikut tahun. Kalau mengikut bulan, mengikut hari ada yang lebih dari 35 peratus. Sebabnya selalunya pada awal tahun ini kita ada disiplin yang kuat untuk kekal 35 peratus. Akan tetapi, pada bulan November, Disember kita akan selaraskan perkara ini demi untuk menjaga kadar defisit negara.

Jadi selalunya kalau di lihat mengikut tahun ia tidak mencapai 35 peratus kecuali bagi tahun 2018 kita melebihi 35 peratus. Itu secara kasarnya.

Untuk makluman ahli mesyuarat juga urusan penyelenggaraan rekod amanah ini adalah di bawah sistem yang disediakan oleh Jabatan Akauntan Negara dan juga Jabatan Kastam. Sistem kami sediakan iaitu sistem GFMS atau sekarang ini iGFMS. Manakala sistem GST di selenggara oleh kastam. Urus niaga-urus niaga mengembalikan atau menyelesaikan tuntutan GST ini dilaksanakan oleh Jabatan Kastam. Kita ada satu pasukan di sana.

Akaun amanah ini mempunyai akaun amanah yang khusus untuknya, akaun amanah bank yang khusus. Jadi kita akan pindahkan hasil ke akaun amanah ini dan Jabatan Akauntan Negara juga akan menyusul keperluan tunainya dan memindahkan tunai secukupnya untuk keperluan bayaran balik tetapi tidak boleh melebihi amaun cukai yang dipindah masuk ke dalam kumpulan wang. Jadi kumpulan wang itu tidak boleh menjadi terlebih bayar. Itu dari segi asasnya.

Tuan Wong Chen [Subang]: Yang Berbahagia Datuk, soalan. Jadi Datuk kata 35 peratus memang cukuplah, *you are quite discipline*, Betul tidak? Tahun 2015, 2016, 2017. Cuma lari sikit 2018, betul?

Datuk Saat bin Esa: Tahun 2018 itu, sebenarnya kita— macam ini, 2018 ini apabila Pakatan Harapan mengambil kerajaan, ia telah memberi fokus untuk bayaran balik. Jadi pada asalnya dan GST ditamatkan.

Kita tahu bajet pada ketika itu, kalau tidak silap saya asalnya GST lebih kurang RM46 bilion. Akan tetapi kita *revise* kepada RM19 bilion dan kita ada kutip lebih lagi, jadi kita salurkan lebih. Kalau kita lihat penyata kewangan nanti yang 2018, *revised target* untuk hasil GST lebih kurang RM19 bilion tetapi selepas kita selaraskan lebih dari 35 *percent* itu, baki hasil GST masih lagi RM20 bilion. Maksud saya ia *above the revised target*.

Tuan Wong Chen: *So, there is enough money* pada 2018 itu untuk bayar balik?

Datuk Saat bin Esa: Ya, cukup.

Tuan Wong Chen: Cukup?

Tuan Pengerusi: Lagi satu...

Datuk Saat bin Esa: Cukup itu tapi dia tidak boleh menampung semua *outstanding balances*, baki yang masih *outstanding*. Sebab pada masa itu sudah— kalau kita ada hasil dalam GST pada 2018 selepas kita keluar, *out*, RM20 bilion.

Pada ketika itu seperti mana dimaklumkan tadi ada *outstanding* RM19.4 bilion. Kita boleh pindah semua tetapi defisit akan *burst* daripada *target*.

Tuan Wong Kah Woh: *So, Datuk pindah dari mana?*

Datuk Saat bin Esa: Pindah dari hasil itu. Maksud saya tadi dari segi polisi, *practice*, 35 peratus daripada hasil dipindahkan kepada kumpulan wang untuk kita membayar balik tuntutan bayaran balik tuntutan GST, *input tax*.

■1420

Okey, *then* kita pindah. Hanya pindahan itu daripada tahun 2014 sehingga tahun 2017 tidak mencapai. Kalau kita lihat dari tahun ke tahun tidak mencapai 35 peratus. Pada tahun 2018, kita memindahkan lebih daripada 35 peratus iaitu...

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Tidak mencapai 35 peratus...

Datuk Saat bin Isa: Melebihi, melebihi.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: *No, no. Before year 2018...*

Datuk Saat bin Isa: Tidak capai 35.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: *...It was below 35 percent.*

Datuk Saat bin Isa: Ya saya.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Apabila tidak capai itu ia boleh 20 peratus, 11 peratus.

Datuk Saat bin Isa: Oh, okey. Saya ada *detail* dia.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: *Can you be more...*

Dato' Hj. Ramli bin Chik: 30 lebih.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: *About that range-lah.*

Dato' Hj. Ramli bin Chik: Dia— saya tambah sikit ya Yang Berhormat, Datuk. Pada masa itu kita praktis tahun 2015. 35 peratus yang di— walaupun kurang sikit itu, kita sudah berjaya untuk memulangkan *claim* daripada itu seperti yang dituntut yang telah diluluskan oleh KDN. Oleh sebab itu, pada masa itu kita kata cukup 35 peratus itu. Ini kerana bila tutup tahun 2015 itu, kita ada baki RM2.2 bilion dalam kumpulan wang itu.

Jadi, berasaskan itu memang cukup. Jumlah 35 peratus walaupun kurang sikit itu, cukup pada masa itu. Ini kerana tuntutan ini ia datang bukan bersekali. Ia datang dan akan ada semakan oleh audit semua.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Boleh bagi jurang tidak? Maksudnya daripada 30 hingga 35 peratus, antara tahun 2015 hingga tahun 2018.

Datuk Saat bin Isa: Boleh Yang Berhormat. Untuk makluman mesyuarat, bagi tahun 2015, kita *transfer* 28 peratus; tahun 2016 sebanyak 31 peratus; tahun 2017 sebanyak 34 peratus; tahun 2018 sebanyak 46 peratus. Bagi tahun 2019, kita belum *transfer* lagi. Tidak, tidak. Walaupun— untuk makluman mesyuarat, walaupun GST sudah ditamatkan tetapi terimaan masih berterusan dan setakat ini kita ada RM561 juta. [*Disampuk*] Ya saya. Ini mana-mana yang lambat itu, kastam pergi kejar juga. Dia kena *submit*. Kita ada lebih kurang setengah bilion.

Tuan Pengerusi: Datuk, begini. Tahun 2015, Datuk tadi *mention* ada 28 peratus, kemudian 31 peratus dan tadi juga dimaklumkan bahawa akan ada mesyuarat GST dahulu kemudian mesyuarat untuk Jawatankuasa Pengurusan Wang Tunai. Jadinya, bila keputusan untuk mengeluarkan berapa jumlah ataupun berapa peratus daripada akaun ini, bagaimana ia dibuat? Adakah ia dibuat dalam mesyuarat berdasarkan permohonan daripada kastam ataupun ia keputusan yang dibuat secara bersama di dalam mesyuarat? Sebab saya juga melihat bahawa pentadbiran kumpulan wang ini, Ketua Setiausaha Perbendaharaan adalah Pengerusi, Akauntan Negara duduk sebagai Timbalan Pengerusi. Jadinya, adakah mesyuarat ini bulanan dan di situlah ditentukan? Sebab *I wonder*, ini berdasarkan kepada apa ini keputusan dibuat. Permohonan daripada kastam kah? *Because— if not, how do you decide* berapa *percent* yang patut dipindahkan? Silakan.

Datuk Saat bin Isa: Okey, dari segi keputusan ia berdasarkan maklumat berapa banyak *outstanding claim* GST yang ada dan berapa banyak kita perlu dan ia akan diimbangi nanti berapa

banyak yang kita mampu hendak ambil dari sana. Sebenarnya setiap mesyuarat, ia *schedule*—dijadualkan memang setiap bulan tetapi mesyuarat tahunan saya rasa tidak boleh kurang dari 10 kali macam itu.

Dalam mesyuarat itu, kastam akan memaklumkan berapa banyak tuntutan dalam tangan dan berapa banyak sumber kewangan yang diperlukan. Itu sebab tadi kita akan memberi sepenuhnya apa juga keperluan itu. Akan tetapi pada hujung tahun kita akan berkira-kira untuk hendak memberi itu. Ini kerana kita— nanti saya *adjust*, kalau *you* minta 10, *I* bagi tiga sahajalah. Ia *something* macam itu sebabnya kita hendak menjaga *deficit rate* ini.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Boleh saya tanya soalan lanjutan?

Datuk Saat bin Isa: Ya.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Dalam pertemuan tersebut kastam akan maklumkan. Maksudnya pemakluman kastam *to your knowledge*, adakah telah melalui verifikasi sistem MyGST? *Or just not...*

Datuk Saat bin Isa: *No*, itu *just* sebut sahaja.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Sebutan macam itu sahajalah.

Datuk Saat bin Isa: Ya, sebutan.

Dato' Hj. Ramli bin Chik: Sebutan sahaja, belum verifikasi lagi.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: *I see*, okey.

Datuk Saat bin Isa: Belum, belum.

Dato' Hj. Ramli bin Chik: Walaupun begitu, kalau kita tengok bila kita ada lebih— *sorry* Yang Berhormat. Kalau kita ada lebih, contohnya pada tahun 2017 kita ada buat tambahan pada akhir tahun. Maknanya bukan permohonan secara *monthly* tetapi kita ada lebih pada tahun 2017 itu kita ada bagi ekstra lebih kurang RM1 bilion. Oleh sebab itu, pada awal tahun 2018 itu kita ada RM1 bilion dalam akaun itu, satu-satu tahun 2018 itu kita ada RM1 bilion. Tidak bermakna kita tidak layan tuntutan daripada kastam.

Cumanya macam Datuk beritahu tadi, kita akan mengimbangi dengan defisit tahunan kita. Jadinya, tuntutan yang dibuat oleh kastam ini belum lagi yang perlu dibayar. Oleh sebab itu bila kita *stop* jadi *zero-rated* itu baru timbul isu RM19.4 bilion tuntutan ini. Belum verifikasi lagi. *That is why* dari segi kita bayaran balik ini tidak ada masalah sebenarnya, untuk kita buat bayaran. Itu *point*-nya.

Cumanya bila kita *stop* sahaja, *zero-rated* sahaja, *then* tuntutan itu yang dilaporkan pada bulan Mei ataupun bulan Jun, awal bulan Jun itu, itulah RM19.4 bilion. Cumanya tuntutan sahaja, belum kita sah lagi tuntutan. Oleh sebab itu, tuntutan sekarang ini kita tengok meningkat. *It is because* ada lagi yang buat tuntutan. Jadi, dari segi bayaran itu tidak ada isu pada saya lah.

Tuan Wong Kah Woh: So, maksudnya apabila tuntutan sebanyak— saya ada nampak satu carta yang disediakan oleh pihak kastam. Pada 6 Jun 2018 ada satu jumlah sebanyak RM19.4 bilion telah pun dipohon tetapi dari segi proses pindahan, ia tidak ada proses pindahan, okey. Dato' Haji tadi kata kerana GST *stop*, so tidak mampu bayar ataupun belum bayar?

Dato' Hj. Ramli bin Chik: Bukan, saya tidak *mention*...

Tuan Wong Kah Woh: So, apa maksud Dato' Haji ...

Dato' Hj. Ramli bin Chik: Maksud saya, tuntutan yang dilaporkan pada masa itu, perjumpaan dengan Yang Berhormat Menteri Kewangan, saya pun hadir sama, untuk melihat berapa banyak tuntutan. Bukan yang kita perlu bayar. Tuntutan pada tarikh berkenaan RM19.4 bilion. Okey.

Seorang Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] ...*Verified*-lah.

Dato' Hj. Ramli bin Chik: Yes. Bukan semua yang kita kena bayar.

Tuan Wong Kah Woh: So, okey. Sejumlah RM19.4 bilion *is the amount that is stated in the GST-03. I think this one all the members agree.* RM19.4 bilion ada *amount stated* di dalam GST-03. So, mungkin dari segi Perbendaharaan, *you will deem that.* Itu bukan satu amaun yang telah pun di-*verified* dan patut dibayar lagi. *So, we concede on that.*

So, soalan saya yang selanjutnya, *at the point of time RM19.4 billion was presented, I mean during the meeting with your minister, do you have that sum of money in your trust account to pay it off or not. Yes or no?*

Datuk Saat bin Isa: Tiada.

Tuan Wong Kah Woh: Tidak ada?

Datuk Saat bin Isa: Tiada. Akan tetapi...

Dato' Hj. Ramli bin Chik: Saya tambah yang itu. Ini kerana *during January to May*, kita memang sudah ada buat bayaran. Memang sudah ada pun *transfer* yang Datuk *mention* tadi sampai 46 percent daripada...

Akan tetapi Dato' Haji, *that is not the RM19.4 billion. I'm now talking about RM19.4 billion. You got to understand.* Saya faham bahawa dari Januari sampai Mei memang AG ada buat pindahan. So, daripada rekod yang saya ada yang dibentangkan ke jawatankuasa ini, tahun 2017 bulan Januari yang dipohon RM2 bilion dan yang dipindah RM2 bilion. Bulan Februari juga yang dipohon RM3.5 bilion dan yang dipindah RM2.5 bilion. So, seperti yang dinyatakan oleh Datuk Saat tadi yang mana kadang-kadang amaun yang dipohon itu bukan semuanya akan diluluskan. So, AG akan tengok *cash flow* dan luluskan seberapa yang ada dalam tangan.

So, this one I think the whole committee understand. So, tahun 2018 pun sama. Bulan Februari hingga bulan Mac ada dua kali permohonan. Bulan Februari RM5 bilion yang transfer

RM2.3 bilion. Bulan Mac RM8.2 bilion yang *transfer* RM3.5 bilion. So, masa Jun ada satu amaun *come in* RM19.4 bilion, *that is under GST-03*.

■1430

Tuan Wong Kah Woh: *I am not going to argue with you all here whether this amount of money is verified or not verified. So, it is not going to be argued here. We will do our conclusion later. Akan tetapi masalahnya, as I said when that RM19.4 billion was presented to you during your meeting with your minister, Datuk Saat has confirmed that the trust account would not have that sum of money to pay. So, that is right. So, that is the answer I want, okay?*

Datuk Saat bin Esa: Yang itu memang tiada Yang Berhormat.

Tuan Wong Kah Woh: *So, I understand* berbulan-bulan sebelum itu memang ada yang minta, ada yang *transfer*.

Datuk Saat bin Esa: Akan tetapi, untuk makluman Yang Berhormat di dalam akaun hasil itu, pada ketika itu, sebab *closing of the year* akaun hasil GST ada RM20 bilion. Maksudnya kalau kita hendak ambil semua sekali, *more than 35 percent we can tapi...*

Tuan Wong Kah Woh: *We can. But* Datuk Saat, I need to ask you another question. *Is that RM20 billion has already been budgeted for—in the budget for the government's use. That RM20 billion. You see, that is the difference. So, if that RM20 billion or RM18 billion has been budgeted, you cannot be using that money to actually pay back the RM19.4 billion.*

Datuk Saat bin Esa: Okey, sekejap. Dari segi spirit amanah—okey. Tadi macam Yang Berhormat Tuan Pengerusi tanya, sepatutnya amanah itu kena masuk—GST masuk amanah dahulu. Akan tetapi dari segi model ini, dia masuk hasil. *Then 35 percent* ambil daripada hasil *is not budgeted. Actually, we transferred the hasil into amanah. Therefore, hendak gunakan RM20 billion itu, not required budget.*

Tuan Wong Kah Woh: *Sorry, let me just clarify.* Datuk Saat kata *at the end of 2017, you all have RM20 billion hasil, I mean the remaining from the GST collection. So, my question is that RM20 billion, is it budgeted for 2018 or 2019 budget?* So, maksudnya sama ada RM20 bilion itu boleh digunakan untuk pembayaran balik ataupun RM20 bilion itu sememangnya telah pun dibajetkan untuk tujuan-tujuan perbelanjaan negara yang merupakan *part of the hasil. Bear in mind, every year, GST gross income is around—how much RM66 billion, is it? Every year, gross.*

Datuk Saat bin Esa: *Around that.*

Tuan Wong Kah Woh: *So RM66 billion. So, in 2018, if not mistaken, your budget provided that the income—the hasil from GST is RM44 billion. Meaning that the RM22 billion was actually deducted for the GST refund. So that is how the things work. My question to you now...*

Datuk Saat bin Esa: *No, Yang Berhormat. Sebenarnya original budget RM46 billion.*

Tuan Wong Kah Woh: *RM46 billion is the net GST income.*

Datuk Saat bin Esa: Ya, tapi...

Tuan Wong Kah Woh: *So, the gross collection is around RM66 billion or RM67 billion.*

Datuk Saat bin Esa: Ya, tapi we revised the target revenue. 2018 kepada RM19 billion, because of...

Tuan Wong Kah Woh: *So, instead of RM46 billion, it becomes RM19 billion.*

Datuk Saat bin Esa: Ya.

Tuan Wong Kah Woh: *Because of the GST become zero rated in June.*

Datuk Saat bin Esa: Ya.

Tuan Wong Kah Woh: *So, if that RM19 billion is your net income, your gross collection must be more, bukan?*

Datuk Saat bin Esa: Ya.

Tuan Wong Kah Woh: *If you are telling me you can use your RM20 billion, leftover from 2017 to actually pay off the RM19.4 billion, I think that is not accurate.*

Datuk Saat bin Esa: *Actually Yang Berhormat, dekat sini—a matter of priority. You see, priority. Dari segi target itu, sebenarnya kita sudah ada kepenggunaan hasil itu melalui belanjawan-belanjawan yang kita luluskan. Perancangan belanjawan. Jadi dekat sini, dari segi hendak pindah, technically kita boleh pindah kepada Kumpulan Wang. Hanya akaun akan berakhir dengan defisit yang besar. Sebab bajet yang diluluskan sudah dilaksanakan, tetapi wang untuk menampung itu tiada. Jadi Akaun Hasil Disatukan akan menyumbang defisit yang besar. Jadi kenapa kita tidak pindahkan untuk menampung kumpulan wang itu, kerana kita hendak menjaga defisit rather than kita menjaga bayaran balik GST itu. Dari segi boleh, kita boleh.*

Tuan Wong Kah Woh: *I understand. I go back a bit Datuk Saat. In your mukadimah you did say that spirit Akta GST adalah berbeza dengan pengoperasian. I mean, pengoperasian yang diamalkan pada sebelum ini adalah berbeza dengan spirit Akta GST kerana Akta GST, section 54 says all money must go into the trust account. Akan tetapi secara operasinya, jawatankuasa telah membuat keputusan untuk hanya memindahkan 35 peratus sahaja.*

Datuk Saat bin Esa: Ya.

Tuan Wong Kah Woh: *So, in other words like what you said before, that does not consonant with the actual spirit of GST Act. So, will you be agreeing with me?*

Datuk Saat bin Esa: Ya.

Tuan Wong Kah Woh: Okey, thanks.

Tuan Wong Chen: Okey. Saya ada soalan ya Datuk. Saya rasa kita boleh clear isu ini dengan senang kalau kita lihat pada keseluruhannya. Starting 1st April 2015 sampai 1st June

2018. During the entire period, how much was the gross collection. Total gross and at 35 percent—if you keep 35 percent as a rate for returning the GST, is it sufficient to cover? I mean you know—I think one of the reasons why we keep on asking about this 35 percent, is whether that 35 percent was sufficient or not. So, it is very hard for us to do the analysis. Because we started in 1st April then suddenly ended when Pakatan Harapan took over. So, let's look at the totality of the whole experience of the GST. There is a total rebate amount to 35 percent. So, the first number I need is the total tax collected from GST (gross).

Datuk Saat bin Esa: Okey Yang Berhormat. Bagi tempoh sehingga Mei—sehingga semalamlah.

Tuan Wong Chen: *Oh you are still collecting?* Okey, okey. Please.

Datuk Saat bin Esa: Sehingga semalam...

Tuan Wong Chen: Okey, total. Betul.

Datuk Saat bin Esa: *The amount collected is RM200 billion.*

Tuan Wong Chen: *RM200 billion?*

Datuk Saat bin Esa: *The exact number is RM200.7098 billion.*

Tuan Wong Chen: Okey. Now, total rebate that you sudah—during that period lah.

Datuk Saat bin Esa: Total rebate yang kita masukkan kepada Kumpulan Wang Amanah sebanyak RM68.18761 bilion.

Tuan Wong Chen: Okey so what you do is you take RM68 billion divided by...

Datuk Saat bin Esa: Yang ini Yang Berhormat, saya ingin maklumkan. Semasa penubuhan akta ini, kerajaan juga menyumbang dari amanah. Pada mula-mula sekali. Masa dia tubuh sahaja...

Tuan Wong Chen: Oh, seed money is it.

Datuk Saat bin Esa: Ya. RM80 juta.

Tuan Wong Chen: Itu berapa?

Datuk Saat bin Esa: RM80 juta.

Tuan Wong Chen: *Oh that is a small amount-lah.* RM 80 juta. Okey. Jadi kalau saya kira, kalau saya ambil RM68 bilion divided by RM200 bilion, it is 34 percent. So, it covers lah your 35 percent— is it correct?

Datuk Saat bin Esa: *More or less cover lah.* Akan tetapi, outstanding yang besar ini kerana kita ada zero-rated, kita stop itu...

Tuan Wong Chen: Betullah.

Datuk Saat bin Esa: ...Ini kerana, barang yang dalam ekonomi tidak sampai kepada end point-nya, taxpayers; users. Mereka adalah net input tax. Kalau tidak nanti bila dia sampai end

user, kita dapat output. Jadi dia akan *recover* balik. Akan tetapi bila kita *stop* macam itu, *by* Mei itu, kita sudah tidak ada GST dan kita *collect* apa yang dicaj pada itu. Akan tetapi semua barang yang belum sampai ke tangan *end user (taxpayer)*, mereka akan *claim* balik GST. Sebab itu amaun ini akan meningkat begitu besar, sebab itulah yang menyebabkan, tetapi selepas itu amaun ini walaupun berubah tidaklah lari banyak sangat. Dia lari dalam RM10 bilion sahaja macam itu. Ini kerana *it keeps on coming*.

Tuan Pengerusi: Okey Datuk, bermaksud selepas sahaja *zero rated*, maknanya banyak lagi syarikat yang mengemukakan permohonanlah? Maknanya ia tidak terhenti setakat waktu itu.

Datuk Saat bin Esa: Sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat, mulai 1 Jun, dia tidak ada *net output*-lah. Mereka akan *check stock* pada masa itu, semua sekali akan hantar *claim* sahajalah.

■1440

Itu jadi dan datang balik sampailah 19 pada tarikh yang dilaporkan itu. Benda ini kita tidak bajet, tadi nak jawab Yang Berhormat Ipoh Timur tadi tu, kalau kita *fulfill refund, our planning* rosaklah *because* defisit akan menjadi lebih teruk. Itu keadaannya.

Tuan Pengerusi: *Expected*.

Tuan Wong Chen: *That is why— sorry ya let me just finish*. Bagi kita, kita nak lihat sama ada *Accountant General* dan juga kerajaan yang lalu mengamalkan sistem yang 35 peratus ini cukup atau tidak. *Is it adequate or not? That is the main point*.

Datuk Saat bin Esa: Okey.

Tuan Wong Chen: *So, by the numbers that you've given, I have to concede*-lah lebih kurang itu.

Datuk Saat bin Esa: Okey, untuk makluman Yang Berhormat, semasa kertas cadangan pertama itu dibentangkan, mereka membuat kajian mengikut amalan-amalan di dunia dan memang *range* ini *acceptable range this around 30 to 40*. *Then* untuk Malaysia *they adopt 35 percent*. Walaupun dalam *35 percent*, mereka membenarkan dari segi polisi, keputusan pada ketika itu jika perlu lebih, ia akan boleh ambil lebih. *Unless* ia tidak *upset the big picture, big picture is deficit*.

Tuan Wong Chen: *So, you collected RM200 billion, you have rebated up to today RM68 billion, right?*

Datuk Saat bin Esa: Ya.

Tuan Wong Chen: *So, there is potentially* kalau semua *claim* itu *approve*, *another RM19 billion that is due for payment*.

Datuk Saat bin Esa: Ya.

Tuan Wong Chen: *If we add that RM19 billion to that RM68 billion that you are already debated, katakan kita bagi semua, all clear. It's due within that range of 36 to 37 percent. I would imagine-lah, betul tak? Therefore, the GST experience, the history of GST was actually quite well managed by your projection 35 to 40 percent or 32 to 40 percent-lah.*

Tuan Wong Kah Woh: *Sorry, can I just correct a little bit? If we add on RM68 billion with like the figure of RM18 or RM19 billion extra, that will come up to like RM68 billion plus RM19 billion is RM87 billion. RM87 billion out of the RM200 billion, it amounts to 43.5 percent. It is not 36 or 37 percent.*

Tuan Wong Chen: *Off by three percent, they are off by three percent. But, that assuming that every RM19.4 billion is due for payment.*

Datuk Saat bin Esa: *Without intercept the continuity of GST, it could be survived. Dia boleh survive.*

Puan Nurul Izzah binti Anwar: *Can I know just to ask a follow up? You said it was zero-rated that skewed the calculation because before this it was still within the range of 30 to 40 percent, benchmark to global practice and operations. Jadi bila zero-rated itu, is that linked to the RM19 billion or the RM19 billion was previous.*

Tuan Wong Kah Woh: *The accumulated period.*

Puan Nurul Izzah binti Anwar: *Accumulated period.*

Datuk Saat bin Esa: *Accumulated.*

Puan Nurul Izzah binti Anwar: *So accumulated previously-lah.*

Datuk Saat bin Esa: *Ya.*

Puan Nurul Izzah binti Anwar: *Meaning that at the end of day is the figure that Yang Berhormat Ipoh Timur mentioned.*

Datuk Saat bin Esa: *Ya.*

Tuan Wong Kah Woh: *So the RM19.4 billion was actually accumulated before GST system has got zero-rated.*

Datuk Saat bin Esa: *Ya.*

Tuan Wong Kah Woh: *Yes, because I see the claim was sometime on the 6th of June. So, I'm pretty sure that this RM19.4 billion was before. So, if we want to get a conclusion from what was the analogy put up by Yang Berhormat Subang, I think we should if AG can give us a figure as to your collection of GST until 1st of June and the total rebate and total GST-03 submitted at that point of time so then we can see whether the figure will hit like 34 to 35 percent or more like 43 to 45 percent. So, use that as the cut-off point, 1st of June.*

Datuk Saat bin Esa: *Just now, 1st of June of?*

Tuan Wong Kah Woh: *1st of June 2018.*

Datuk Saat bin Esa: 2018?

Tuan Wong Kah Woh: *Ya, where it got zero-rated. The total collection up to that point and the total GST-03 submitted up to that point.*

Datuk Saat bin Esa: Okey.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: *So this one is prior to tax holiday.*

Tuan Wong Kah Woh: *Prior to tax holiday. So, because Yang Berhormat Datuk, just now with due respect you have seemed like given us an impression whereby it is because everything has turned zero-rated, there is no output tax... [Disampuk] There is no more output tax and that's why things have been piling up at the very large scale. So, I don't think that is accurate.*

Datuk Saat bin Esa: Hanya untuk makluman mesyuarat, *amount collected* saya boleh *confirm*, boleh dapat berikan berdasarkan rekod yang ada di Jabatan Akauntan Negara. Akan tetapi amaun GST-03 *claims*, ia adalah di dalam sistem Jabatan Kastam, sistem GST. Yang ini saya akan mohon dari dia untuk tujuan pelaporan kepada PAC kemudian.

Tuan Pengerusi: Setakat 1 Jun.

Datuk Saat bin Esa: *Basically* sebelum *exercise zero-rated*. *Zero-rated is active at 1st June, then dia nak closing figure 31st May.*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Saya ada satu soalan. Tuan Pengerusi, sekarang KSP adalah pegawai pengawal, jadi pegawai pengawal kepada semua kedudukan kewangan negara. Apa sebenarnya fungsi *Accountant General* dalam keadaan ini?

Datuk Saat bin Esa: Okey, antara fungsi Jabatan Akauntan Negara atau *Accountant General* di dalam *delegation act* itu adalah menyelenggara rekod perakaunan, menyediakan sistem perakaunan dan menyediakan penyata kewangan Kerajaan Persekutuan. Dari segi fungsi, Jabatan Akauntan Negara bagi untuk Persekutuan, ia menguruskan segala urusan tunai. Maksud saya di sini, Kerajaan Persekutuan Malaysia mengamalkan *centralised cash management* dan semua *cash management* itu buku tunainya dikendalikan melalui sistem yang disediakan oleh Jabatan Akauntan Negara.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *All expenses are actually been budgeted for? Kalau tahun 2018 dah dibajet on 2018. This is basing on your collection based by— revenue. Now what really happen, from 1st June to August, tax holiday, no collection, there is no collection. Apa masalah yang kita hadapi sekarang?*

Datuk Saat bin Esa: Masalahnya kita ada *short fall* dari *revenue* dan sebenarnya MOF telah mengambil tindakan *prudent* dengan mengeluarkan sekatan. Kalau kita tengok 2018, dia juga melaksanakan sekatan. Ini semata-mata untuk— kita tidak mampu dalam keadaan defisit

yang besar. Kita ada *target* dan kita *have to meet the target*. Memang kita ada buat sekatan, sekatan bajet. Maksud saya, kalau Parlimen pada ketika itu dah luluskan RM262 bilion, kami pegawai pengawal akan beri sekatan berapa bilion kalau mengurus. Begitu juga untuk pembangunan, ia akan disekat tetapi nanti dalam penyata kewangan bila kita tengok ada bajet asal, bajet disemak. Disemak itu adalah sekatan sebenarnya.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Boleh?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *Selepas 1st June, GST was abolished, there is a short fall.*

Datuk Saat bin Esa: Ya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Apakah kejadian yang berlaku selepas itu?

Datuk Saat bin Esa: Itulah, membuat sekatan supaya kita kena selaraskan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Bukan sekatan Yang Berhormat Datuk Sekarang *you need to spend what it was budgeted for. Number one is gaji, number two is pencen.*

Datuk Saat bin Esa: Oh sekatan itu Yang Berhormat, mereka lakukan dengan sangat berhati-hati. Mana yang wajib itu, gaji kita tidak pernah sekatlah tetapi *come back to the priority planning*. Mana yang lambat lagi nak belanja dan sebagainya, *not priority* dia akan sekat dan sekatan itu tidak memberi *authority* untuk berbelanja walaupun Parlimen telah meluluskan belanjawannya.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Boleh saya tanya *follow up question* Datuk Saat. Saya tidak pasti tetapi nak tanya. Dari segi bajet yang disemak, yang dikawal, adakah ia juga terpakai kepada penggunaan dana PETRONAS contohnya ataupun hanya terhad kepada belanjawan negara. Maksudnya kalau Kementerian Kewangan membuat keputusan, *is it beyond your purview?* Minta klarifikasi.

Datuk Saat bin Esa: Okey. Sebenarnya maklumat yang kita simpan iaitu adalah asas untuk MOF menggunakan bagi membuat keputusan dari segi *actual* yang kita dah belanja dan kawalan. *On top of that*, ia ada amaun yang *incoming*, macam contohnya PETRONAS adalah *resources*, maksud saya sumber yang akan menyumbang kepada pembiayaan ataupun keperluan dana untuk membiayai perbelanjaan.

■1450

Jadi pelarasan-pelarasan ini akan dilakukan oleh MOF untuk kita nak merancang sama ada kita nak sekat atau nak tambah. Kalau kita hendak tambah, kita hendak tahu sumbernya dah ada ataupun tidak ada.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: *So, technically* boleh sekatlah. Jabatan Akauntan Negara boleh sekat penggunaan dana PETRONAS?

Datuk Saat bin Esa: Oh, tidak boleh.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Hanya boleh menyekat dari segi penggunaan belanjawan sahaja?

Datuk Saat bin Esa: *Actually*, Jabatan Akauntan Negara hanya bertanggungjawab kepada urusan kewangan dan perakaunan Kerajaan Persekutuan sahaja.

Tuan Pengerusi: Datuk, jadinya yang Petronas punya itu masuk Akaun Hasil Disatukan kah?

Datuk Saat bin Esa: Ya, saya.

Tuan Pengerusi: Masuk Akaun Hasil Disatukan.

Datuk Saat bin Esa: PETRONAS akan memberi dalam bentuk levi dan juga dividen.

Tuan Pengerusi: Okey, kalau misalannya *income tax* ia masuk mana?

Datuk Saat bin Esa: Hasil.

Tuan Pengerusi: Hasil juga.

Datuk Saat bin Esa: Kalau kita terlihat...

Tuan Pengerusi: *Refund*, kalau *refund*?

Datuk Saat bin Esa: *Refund*, di dalam Akta Cukai Pendapatan juga ada seksyen yang berkaitan dengan *refund*, seksyen 111, kalau tidak silap saya. Seksyen 111B kalau tidak silap sayalah. Dia menubuhkan juga akaun amanah, Tabung Bayaran Balik Cukai yang ditubuhkan bawah seksyen 10. Pengoperasian sama macam GST yang saya *explain* dulu walaupun – tetapi yang ini selaras dengan akta sebab dia memang membenarkan. Itulah ia ada pelik di situ.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Boleh saya tanya pendapat? Susulan, pendapat Datuk selaku Akauntan Negara Malaysia. Jadi fokus Datuk adalah untuk mengawal bajet negara supaya jangan tambah defisit kita.

Datuk Saat bin Esa: Ya.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Jadi apakah pendapat Datuk, adakah ini memberikan justifikasi penggunaan dana petroleum, dana Petronas selagi defisit kita terkawal? *Just to ask your opinion on this matter.*

Datuk Saat bin Esa: Sebenarnya saya mengawal keputusan yang diputuskan.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Maksudnya?

[Ahli-ahli ketawa]

Datuk Saat bin Esa: Ia macam ini. Saya mengawal— saya bukan— sebab ia macam ini. Hendak menentukan hala tuju itu adalah *committee* sehinggalah ke Parlimen. *We have to proposed then* sampai ke Parlimen. *Whatever you had decided then I had to control.* Kalau kita

tengok dari segi pengoperasian, *you* cakaplah suruh saya bayar berapa, 10 sen pun kalau tidak ada *warrant* kita tidak bayar. Itu sahaja.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: *You also said that you have no control over the usage of Petronas money that was given to the Government?*

Datuk Saat bin Esa: Ya.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Maksudnya walaupun jawatankuasa membuat keputusan, di sini tumpuannya atau *aulawiyat*-nya adalah untuk memastikan defisit terkawal.

Datuk Saat bin Esa: Ya.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Jadi, kalau jawatankuasa mengatakan mereka lulus penggunaan Petronas, *it is out of your hands?*

Datuk Saat bin Esa: Ya.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: *You don't have any objection to it?*

Datuk Saat bin Esa: Tidak. Oleh sebab itu sudah *policy maker*.

Tuan Wong Chen: *Because we approved in Parlimen. I mean the budget is stable prepared by the MOF and the Cabinet, we approved and then you have to make sure that you have to jaga, that we comply with it as according to...*

Datuk Saat bin Esa: Ya, *I am just like a policeman.*

Tuan Wong Chen: *Policeman*-lah betul.

Datuk Saat bin Esa: Kalau *you not mandate me a law then I* tidak boleh sentuhlah.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Lagi satu Datuk. Yang RM19.4 bilion tadi yang patut dipulangkan kembali, *was supposed to be in the system?*

Datuk Saat bin Esa: *It is in the system.*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *It is in the system?*

Datuk Saat bin Esa: Ya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *And it has been used for other expenses?*

Datuk Saat bin Esa: Ya, saya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *That means the money is not lost?*

Datuk Saat bin Esa: Yes.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Okey, *number two. Number one* tadi bagus Datuk. Nombor dua itu, baru-baru ini kita telah meluluskan bajet tambahan RM19 bilion juga. Adakah Datuk sedar bahawa kita telah melanggar kita punya *budget convention where it was being practiced all the years that* perbelanjaan mengurus tidak boleh melebihi daripada pendapatan.

Datuk Saat bin Esa: Setakat pengetahuan saya apabila saya menyediakan akaun Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2018, Akaun Hasil Disatukan tidak di dalam keadaan defisit. Masih lagi di dalam keadaan surplus tetapi surplus yang kecil RM1 bilion lebih sahaja. Surplus itu kita pindahkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan. *But now I think the account is in the process of auditing.*

Bajet tambahan itu tidak menyebabkan Akaun Hasil Disatukan dalam keadaan defisit. Bajet tambahan itu adalah diperlukan kerana ada keputusan-keputusan di bawah keputusan Menteri yang meluluskan perbelanjaan sebab perbelanjaan ini perlu disegerakan dan diluluskan oleh Menteri tetapi mesti di-endorse oleh— mesti dibentangkan balik di bawah Parlimen. Sebagai contoh kita ada Kumpulan Wang Luar Jangka dan macam-macam lagi itu, kalau kita lihat nanti keperluan luar jangka itu hendaklah ditutup balik, di liput balik melalui bajet tambahan yang akan dibentangkan dalam bajet tambahan. Ini diperuntukkan di bawah undang-undang sedia ada.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Saya cakap betul Datuk, oleh sebab kita tengok kita punya Bajet 2018, *current account balance* ada RM1 bilion sahaja, *current account balance*. Maknanya, perbelanjaan mengurus yang pendapatan kita lebih sikit RM1 bilion. Akan tetapi sekarang dimohon RM4 bilion. Apabila RM4 bilion, maknanya kita telah mengguna defisit terlebih RM3 bilion. Maknanya ini kita telah melanggar bajet *accumulation*.

Datuk Saat bin Esa: *Actually* tambahan itu Yang Berhormat adalah perbelanjaan yang telah diambil kira menunjukkan baki RM1 bilion tadi. Akan tetapi kita hendak kena *follow the law* apa juga yang melebihi apa yang diluluskan oleh Parlimen, Dewan kita kena bawa balik ke Dewan. Itu MOF punya...

Puan Nurul Izzah binti Anwar: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* *Supplementary budget.*

Datuk Saat bin Esa: Ya, saya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Akan tetapi ini boleh jadi Datuk, *supplementary budget out of RM19 billion RM4 billion is meant for* mengurus?

Datuk Saat bin Esa: Ya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: RM15 bilion untuk pembangunan?

Datuk Saat bin Esa: Hanya dalam perbelanjaan itu sebenarnya kita sudah belanjakan tetapi bajetnya belum mendapat kelulusan Parlimen. Itu yang kita bawa. Kita bawa itu selepas ia *confirm*, kita tutup akaun *then* baru dibawa ke Dewan sebagai *supplementary*. Kalau tidak pegawai pengawal akan menjadi satu kesalahan kerana berbelanja melebihi peruntukan yang diluluskan oleh Parlimen.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Ini terjadi Datuk. Ini terjadi.

Datuk Saat bin Esa: Ya, memang jadi setiap tahun.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Datuk bersetuju atau tidak dengan pendapat saya bahawa defisit ini kalau disebabkan kita membatalkan GST, *zero-rated* selain *tax holiday* selama tiga bulan yang telah menyebabkan perbelanjaan kita sekarang berkurangan.

Datuk Saat bin Esa: Ia tidak ada hubungan kait yang terus, ya. Akan tetapi selalunya ianya adalah keperluan yang mendesak menyebabkan bajet tambahan ini. Bajet tambahan ini selalunya keperluan yang mendesak. *Then*, ia menggunakan kuasa Menteri untuk membenarkan dulu berbelanja.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *Now, we have already gone against the budget convention?*

Datuk Saat bin Esa: Saya tidak pasti dari segi *practice*. *But by the law, it is allowed*, dibenarkan oleh undang-undang.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Kalau *in the past* ini Datuk?

Datuk Saat bin Esa: Memang ini benar. Memang setiap tahun ada *supplement*.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Maaf saya kata, pada setiap tahun tidak pernah berlaku...

Puan Nurul Izzah binti Anwar: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Every year...*

Datuk Saat bin Esa: *Every year...*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Bahawa perbelanjaan mengurus tidak boleh melebihi pendapatan?

Datuk Saat bin Esa: Itu konsepnya. Akan tetapi— saya ambil contoh kalau kita ada *income* 10 kita belanja 10. Akan tetapi kalau kita ada *income* 11, kita boleh belanja 11. Benda itu kita boleh buat tambahan, itu tambahan biasa. Akan tetapi *supplement* selepas *closed account* ini dalam 10 dulu kita sudah *priority*-kan ABC tetapi kali ini D *more urgent* nak kena buat. Apa yang kerajaan buat, selalunya dia akan sekat A atau B atau C itu *then they allow D to come in*. Dari segi *technical* undang-undang D tidak pernah *table* to Parlimen. Bukan *table*, Menteri sahaja yang sahkan *because* ini *urgent*. *Then*, kita kena bawa balik ke Parlimen. *But total expenditure still 10*. Ia macam itu, dia punya analoginya kalau dapat saya bantu.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *Eventually need to be pass in the Parlimen.*

Datuk Saat bin Esa: *Yes. That is why we bring for supplementary budget.*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Akan tetapi ini dah luluskah ini?

Datuk Saat bin Esa: Ya?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Ini dah luluskan?

Datuk Saat bin Esa: Ya?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Bajet tambahan. Akan tetapi bajet tambahan akan berbunyi kita berbelanja mengurus melebihi pendapatan.

Datuk Saat bin Esa: Tidak, tidak.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Ini yang kita mohon. Hari itu kita ada *current account balance* RM1 bilion.

Datuk Saat bin Esa: Ya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *Now we are asking for RM4 billion.*

Datuk Saat bin Esa: Untuk makluman Yang Berhormat jangan terkeliru. Apa yang kita tambahkan ini bukan untuk membenarkan kita berbelanja lagi. Ini kita hendak menutup apa yang telah kita belanjakan. Tadi RM1 bilion itu *remain* RM1 bilion.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Jadi, kita telah pun *overspend*?

Datuk Saat bin Esa: *No.* Oleh sebab tadi ia ada *adjustment*. Nanti yang itu *technical* ia ada sekatan, ia ada tambahan. Ia ada sekatan, ia ada tambahan.

Dato' Hj. Ramli bin Chik: *Within the budget.*

■1500

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *Yeah of course we are talking within budget but the thing is what you are asking for an additional expenditure of RM4 billion.*

Datuk Saat bin Esa: Ya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: RM4 bilion. *You have current account balance is only one but shortfall of three, you now.*

Datuk Saat bin Esa: Dalam *current account* itu *balance one* itu telah mengambil perbelanjaan yang kita mohon *supplementary budget* tadi Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: *Net,* Datuk.

Datuk Saat bin Esa: Ya, sebab benda itu— ini masalah perundangan, peraturan sebab benda itu belum lagi diluluskan oleh Parlimen. Kita kena bawa balik ke Dewan untuk diluluskan.

Akan tetapi 2018 telah berlalu, kita tidak boleh sudah belanja lagi. Sebenarnya, belanja itu sudah dilakukan pada 2018.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Akan tetapi bagi saya Datuk *this is just the matter of discussion.* Bagi saya peruntukan bajet tambahan adalah perbelanjaan yang telah dibuat, yang telah dibuat.

Datuk Saat bin Esa: Ya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Sekarang kita hendak minta kelulusan tetapi belanja sudah buat. Fasal *you cannot stop from paying gaji, you cannot stop paying their allowance*. Kena bayar.

Jadi maknanya sekarang kita dapati bahawa perbelanjaan mengurus kita telah melebihi pendapatan.

Datuk Saat bin Esa: Akan tetapi Yang Berhormat, apa yang diluluskan asal tidak semestinya dibelanjakan dan kerajaan juga mempraktikkan sekatan tadi untuk hendak *replace* yang lebih *urgent*.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Saya hendak kembali pada GST tadi. Tadi Datuk Saat ada sebutkan, berlaku konflik apabila kita dapati ada sejumlah wang yang mereka hendak *refund*. Kemudian waktu yang sama kita menghadapi takut defisit bajet sebab kalau kita bayar semua— *sorry*. Kita bayar semua, nanti akan berlaku— defisit bajet akan meningkat. Jadi keutamaan kerajaan adalah untuk mengelakkan defisit tadi. Ini sebab kalau defisit tadi nanti nampak tidak cantik dan sebagainya. Sedangkan tuntutan orang ramai terhadap apa yang telah bayar itu juga adalah merupakan satu keutamaan.

Penyelesaiannya yang saya lihat dalam Parlimen ketika kami berbahas, ada salah seorang daripada Ahli Parlimen, mantan Menteri mengatakan bahawa perkara itu boleh dilakukan dengan adanya *future tax*. Maksudnya kalau GST itu tidak dibatalkan, pembayaran-pembayaran yang akan datang masuk itu boleh digunakan untuk menampung *refunds* bererti tutup lubang yang lepaslah.

So, apa pandangan Datuk dalam keadaan seperti itu?

Datuk Saat bin Esa: Okey, pertama saya hendak jelaskan. Sebenarnya kita kawal defisit itu kerana *gap deficit* itu memerlukan pinjaman untuk kita tutupnya. Itu sebab kita sensitif dekat defisit itu sebab kalau *three percent* kita kena meminjam *three percent* dahulu dari segi amaun.

Kedua Yang Berhormat, sebenarnya itu yang diamalkan oleh kerajaan sekarang sebab pada tahun kewangan 2019, Dewan telah meluluskan bajet— *budget meaning they charge to vote*. Kita sudah tidak ada GST walaupun tadi ada kutipan yang terpencil itu, kita ada. Sekarang ini ada lebih kurang setengah bilion, RM570 juta macam itu.

Akan tetapi bagi tahun 2019 kerajaan telah bajetkan di bawah BOT B.12 kalau tidak silap saya, sebanyak RM19 bilion untuk kita masukkan kepada Kumpulan Wang Amanah ini dan bayar balik GST yang *outstanding*.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Maaf, ini yang diambil daripada PETRONAS punya ataupun memang bajet yang asal?

Datuk Saat bin Esa: Saya tidak boleh *dictate*. Sebenarnya semua sekali masuk *full* lepas itu bayar. Ia tidak ada *tagging one-to-one* Yang Berhormat. Maksud saya dekat sini termasuklah *income tax*...

Tuan Wong Chen: *No, isu dia is special dividend. That's why it's unusual. Of course, it went inside there.*

Datuk Saat bin Esa: *Special dividend is one of the resources.*

Tuan Wong Chen: Betullah.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Datuk, kenapa *special dividend* itu bukan RM19 bilion tetapi RM30 bilion atau berapa macam itu?

Dato' Hj. Ramli bin Chik: *Income tax.*

Tuan Wong Kah Woh: *Income tax* sekali.

Tuan Pengerusi: Kita tidak *check* lagi.

Tuan Wong Chen: Itu belum *check* lagi.

Tuan Wong Kah Woh: *Still rise.*

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Tuan Pengerusi: Sebelum belum. Tidak, teruskan Datuk minta maaf.

Datuk Saat bin Esa: Ia ada sebab itu sebab GST pun *as we know original in year 2018 we forecast 46 then we revised to 19. That's the outlook for year 2019* tetapi dari segi *expenditure* kita tidak kurang banyak mana pun. *Then, the financing part* kita kena lihatlah.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Datuk, defisit untuk tahun 2018 baru diumumkan itu hari 3.7?

Datuk Saat bin Esa: Ya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *Now with the RM19 billion* yang bajet tambahan. berapakah sebenarnya defisit kita akan meningkat?

Datuk Saat bin Esa: *[Bertanya kepada pegawai di sebelah] Actually, around half percent* sahaja Yang Berhormat sebab kita punya GDP RM1.439 trilion. *Therefore, RM19 bilion* itu macam syiling sahajalah. *[Ketawa]* Ya, ia macam itulah. Dia tidak bagi impak yang banyak.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *The money that you have taken from PETRONAS should be able to close whatever shortfall, isn't?* Bukan begitu?

Datuk Saat bin Esa: Bukan dari segi konsepnya, kita ada perancangan untuk pembangunan negara dan pengurusan negara, dan mereka juga merancang bagaimana sumber *funding*.

Jadi dari segi itu, dia cubalah mencari sumber kewangan macam pengenalan cukai pelepasan dan sebagainya itu adalah— hendak mencari sumberlah untuk memenuhi keperluan. Akan tetapi hendak *tagging one-to-one* tidak bolehlah. Nanti kalau tidak ada cukai pelancongan— hendak pergi ke cukai pelancongan. Kalau macam itu cukai pendapatan MOF punya semualah nanti.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Datuk, *to be fair*. Disebut dalam ucapan belanjawan Menteri Kewangan, *the PETRONAS special dividend*. Jadi bukanlah kita tidak faham dia campur, dia satukan. Akan tetapi *it was specifically mentioned that this* dana akan diguna pakai *you know proceed as supposed to be used for the future generation specifically to pay back the GST claims*.

Jadi yang kami bawakan ini bukan sekadar kami hendak *expect* Ketua Akauntan Negara untuk *tag*, hanya ia disebut dalam belanjawan oleh Menteri Kewangan.

Datuk Saat bin Esa: Mungkin betul Yang Berhormat dari segi perancangan memang ia sudah dibajetkan RM19 bilion. Akan tetapi masa perancangan dia tahu *funding* dari sini dia hendak *allocate* di sini.

Tuan Pengerusi: *Okay, anymore question?* Kalau tidak ada apa-apa...

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Cuma saya hendak kemaskan kefahaman saya keseluruhannya sebab sudah 10 kali kita bertemu. *[Ketawa]* Saya suka berterus terang. Maknanya Yang Berhormat Menteri menyebut fasal rompak perkataan itu dan kami pun— yalah perkataan 'rompak' itu satu perkataan yang mungkin kurang tepatlah. *[Disampuk]*

Akan tetapi tidak berlaku duit itu disalahgunakan. Duit itu telah dibelanjakan oleh kerajaan dan mungkin kalau boleh saya mengatakan bahawa kerajaan telah menggunakan duit GST yang sepatutnya *prepare* untuk *refund*, telah gunakan sehinggalah duit itu tidak ada. Kalau kita gunakan duit yang lain bererti akan...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bukan tidak ada, kurang.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Kurang ya? Terima kasih Tuan Pengerusi. Maknanya kurang dan terpaksa— akan menyebabkan defisit nanti.

Jadi akhirnya untuk tahun 2019 kita telah terpaksa menambah untuk menampung apa yang berlaku. So, tidak ada— sebagai pegawai-pegawai kerajaan tidak ada penyalahgunaan duit. Cuma duit itu telah digunakan untuk urusan-urusan negara yang lain.

Adakah kalau saya simpulkan begitu, setuju?

Datuk Saat bin Esa: Setuju Yang Berhormat. Akan tetapi dari segi rompak itu saya rasa ada laporan polis dan polis pun menyiasat dan benda rompak itu *very technical*. *We leave it to the expert to comment*.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi kehilangan kewangan itu tidak ada, kan?

Datuk Saat bin Esa: Setakat ini, saya sahkan tiada.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Datuk bukan sekadar *report police*. *Report police* itu biasa sahaja. Akan tetapi *that kind of money, the amount of money that was missing, 'the missing' you should have a public inquiry. A public inquiry...*

Tuan Wong Chen: *This is the inquiry.*

[Ketawa]

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *This is inquiry, because you see because the comment— perkataan itu telah disebut. Maybe he was emotional but after sometime, of course as minister now you are being adviced by your officer. Officer mesti bagi tahu. Sepatutnya diperbetulkan perkataan itu semula.*

Datuk Saat bin Esa: Terpulanglah kepada Menteri.

Tuan Pengerusi: Okey, kita akhiri prosiding kita. Terima kasih banyak kepada Yang Berbahagia Datuk dan juga Dato' Ramli juga dan Encik Rusdi di atas kehadiran pada petang ini. *We really appreciate and your cooperation is highly appreciated. Thank you very much.*

Datuk Saat bin Esa: Terima kasih.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 3.10 petang]